

11 AUG 1997

BAHAGIAN PROTOKOL AKAN EDARKAN GARIS PANDUAN CENDERAMATA

KUANTAN, 11 Ogos (Bernama) -- Garis panduan mengenai pemberian cenderamata kepada pemimpin-pemimpin politik akan diedarkan oleh Bahagian Protokol, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri secara segera, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Semasa ditemui pemberita di sini, beliau berkata larangan pemberian cenderamata kepada pemimpin politik Pahang juga berkuat kuasa hari ini untuk semua bentuk majlis yang mereka hadiri.

Bagaimanapun, mereka dibenarkan menerima hadiah berbentuk buah-buahan atau ikan air tawar pada majlis-majlis di luar bandar kerana masyarakat kampung menghadihkan barangan itu sebagai tanda hormat.

Mengenai sumbangan berbentuk buku, beliau berkata sumbangan itu boleh disalurkan terus kepada Perpustakaan Negeri untuk manfaat rakyat keseluruhannya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengeluarkan garis panduan berhubung bentuk cenderamata atau hadiah yang boleh diterima oleh pemimpin politik.

Garis panduan itu penting bagi mengelak sesetengah pihak membuat anggapan kononnya hadiah atau cenderamata berkenaan adalah rasuah.

-- BERNAMA

ROS RI